

[ FOTO BERNAMA ]



Gobind selepas merasmikan pra-pelancaran WCIT 2020 di Kuala Lumpur, semalam.

# WCIT 2020 dijangka jana pelaburan RM10b

B/HARIAN

19/3/19 MS 24

**Kongres** Teknologi Maklumat Sedunia (WCIT) 2020 dijangka menjana pelaburan hampir RM10 bilion, kata Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo.

Katanya, jangkaan itu berdasarkan impak positif WCIT yang diadakan di Malaysia pada 2008 yang sudah berjaya menarik pelaburan RM8 bilion.

"Ia satu peluang bagi negara untuk sama-sama berada di pentas antarabangsa seiring pemain industri yang lain.

"Selain fokus pelaburan,

kongres ini juga akan menjana lebih banyak peluang pekerjaan menerusi industri teknologi maklumat," katanya selepas merasmikan pra-pelancaran WCIT 2020 di Kuala Lumpur, semalam.

## Platform pamer wawasan

Kongres edisi ke-23 anjuran Persatuan ICT Kebangsaan Malaysia (Pikom) itu akan berlangsung pada 13 hingga 16 September 2020 di Pulau Pinang.

Ia juga dijangka menghim-

pukan lebih 160 penceramah global berserta penyertaan daripada lebih 80 negara luar.

Terdahulu, dalam ucapannya, Gobind berkata, pengajuran WCIT 2020 di Malaysia adalah tepat pada masanya dan satu langkah menguntungkan kerana ia menawarkan platform yang baik bagi Malaysia untuk memperkenalkan pencapaiannya dan wawasannya untuk masa depan.

"Platform seperti WCIT 2020 ini akan meningkatkan kesedaran mengenai kemungkin-

nan yang boleh diberikan oleh Internet dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) kepada masyarakat dan ekonomi, selain merapatkan jurang digital.

"Kerajaan mengakui dan mengesahkan bahawa ICT boleh menjadi enjin untuk membangunkan usahawan dan mentransformasi negara menjadi sebuah hab perniagaan yang berdaya saing," katanya.

Turut hadir Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow.

BERNAMA